



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KESAN DIMENSI PEMBELAJARAN MARZANO TERHADAP KEUPAYAAN MENJAWAB SOALAN KEFAHAMAN DALAM KALANGAN MURID CINA TAHUN LIMA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

FATIN BINTI ZULKIFLI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KESAN DIMENSI PEMBELAJARAN MARZANO TERHADAP
KEUPAYAAN MENJAWAB SOALAN KEFAHAMAN
DALAM KALANGAN MURID CINA TAHUN LIMA**

FATIN BINTI ZULKIFLI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN BAHASA MELAYU
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

| |
|---|
| |
| |
| |
| ✓ |

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 17/5/2022

Student' Declaration:

Saya, FATIN BINTI ZULKIFLI, M20161000150 FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI dengan ini mengaku bahawa disertasi yang bertajuk KESAN DIMENSI PEMBELAJARAN MARZANO TERHADAP KEUPAYAAN MENJAWAB SOALAN KEFAHAMAN DALAM KALANGAN MURID CINA TAHUN LIMA adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya..

Tandatangan pelajar

Supervisor's Declaration:

Saya PM DR. DAHLIA BINTI JANAN dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KESAN DIMENSI PEMBELAJARAN MARZANO TERHADAP KEUPAYAAN MENJAWAB SOALAN KEFAHAMAN DALAM KALANGAN MURID CINA TAHUN LIMA dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA (PENDIDIKAN BAHASA MELAYU).

9/9/2022

Tarikh

Tandatangan Penyelia



**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: KESAN DIMENSI PEMBELAJARAN MARZANO TERHADAP KEUPAYAAN MENJAWAB SOALAN KEFAHAMAN DALAM KALANGAN MURID CINA TAHUN LIMA

No. Matrik / Matric's No.: M2016100150

Saya / I: FATIN BINTI ZULKIFLI

(Nama pelajar / Student's Name)

Mengaku membenarkan Tesis/Desertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

Acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

- 05-4506832 1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek adalah hak milik UPSI.
i. *The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.*
ii. *Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.*
iii. *The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan sainan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
iv. *The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissestation.*
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

TERHAD/RESTRICTED Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar / Signature)

Tarikh: 9/9/2022

PROF MADYA DR DAHLIA JAHAN
(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)
dahlia@fik.upsi.edu.my

Catatan: Jika Tesis/Disertesi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Sekalung penghargaan buat Profesor Madya Dr. Dahlia binti Janan, selaku penyelia yang telah banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar tanpa jemu dengan penuh sabar dan kasih sayang, di samping menjadi inspirasi dan sumber rujukan bagi pengkaji. Jutaan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan atas segala jasa budi dan pengorbanan yang telah diberikan oleh penyelia. Segala idea-idea yang disumbangkan oleh penyelia telah banyak memberikan pedoman yang amat berharga dalam kehidupan pengkaji. Tidak terlupa juga kepada ibu bapa tercinta yang sentiasa memberikan dorongan dan bimbingan, di samping memberikan kata-kata semangat dan kekuatan untuk pengkaji terus berusaha dan berjuang demi melunaskan amanah ini. Terima kasih juga buat rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak memberi dorongan serta motivasi dari semasa ke semasa sepanjang proses menyiapkan tesis ini dengan sebaiknya. Akhir sekali, ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan tesis ini. Segala bantuan, didikan, nasihat, tunjuk ajar serta dorongan yang diberikan oleh semua pihak di atas telah membawa kepada satu hasil kejayaan yang amat bernilai dalam kehidupan pengkaji secara tidak langsung. Semoga penyelidikan dan tesis ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.





ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk menyelidik kesan Dimensi Pembelajaran Marzano (DPM) terhadap keupayaan menjawab soalan kefahaman membaca dalam kalangan murid Cina tahun lima SJKC. Kajian juga bertujuan menganalisis perbezaan pencapaian murid sebelum dan selepas penggunaan DPM. Responden kajian ini terdiri daripada 60 orang murid Cina tahun lima di sebuah sekolah SJKC di kawasan bandar. Kajian ini merupakan reka bentuk kajian kuantitatif dengan menggunakan kaedah kuasi eksperimen. Data kajian dikumpul melalui ujian pra, ujian pasca dan soal selidik. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan signifikan antara pencapaian murid kumpulan kawalan dengan kumpulan rawatan iaitu $t = 7.210$ dan tahap signifikan $p=.000$ ($p <0.05$). Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan positif pencapaian murid sebelum dan selepas penggunaan DPM dan analisis deskriptif terhadap penerimaan murid menunjukkan skor min 4.46 dan menunjukkan kecenderungan yang tinggi terhadap penerimaan murid dalam pengajaran berdasarkan DPM dalam menjawab soalan kefahaman. Hal ini menunjukkan keberkesanan penggunaan DPM dalam meningkatkan keupayaan menjawab soalan kefahaman membaca dalam kalangan murid Cina. Implikasi kajian ini guru dan murid khususnya di sekolah SJKC dapat mengaplikasikan DPM sebagai satu cara baharu dalam pengajaran kemahiran membaca Bahasa Melayu.





THE EFFECTIVENESS OF MARZANO'S LEARNING DIMENSION ON THE ABILITY TO ANSWER COMPREHENSION QUESTIONS AMONG YEAR FIVE CHINESE STUDENTS

ABSTRACT

This study was conducted to examine the effect of the Marzano Learning Dimension (DPM) on the ability to answer reading comprehension questions among fifth year Chinese students of SJKC. The study also aimed to analyze the differences in student achievement before and after the use of DPM. The respondents of this study consisted of 60 fifth year Chinese students in a SJKC school in an urban area. Study data were collected through pre -test, post-test and questionnaire. The findings showed that there was a significant difference between the achievement of students in the control group with the treatment group that is $t = 7.210$ and a significant level of $p = .000$ ($p < 0.05$). The findings also show that there are positive differences in student achievement before and after the use of DPM and descriptive analysis of student acceptance showed a mean score of 4.46 and showed a high tendency towards student acceptance in teaching based on DPM in answering comprehension questions. This shows the effectiveness of the use of DPM in improving the ability to answer reading comprehension questions among Chinese students. Implications of this study are teachers and students especially in SJKC schools can apply DPM as a new way in teaching Malay reading skills.





KANDUNGAN

Muka Surat

| | |
|------------------------------------|----|
| PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN | ii |
|------------------------------------|----|

| | |
|--|-----|
| PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI | iii |
|--|-----|

| | |
|--------------------|----|
| PENGHARGAAN | iv |
|--------------------|----|

| | |
|----------------|---|
| ABSTRAK | v |
|----------------|---|

| | |
|-----------------|----|
| ABSTRACT | vi |
|-----------------|----|

| | |
|------------------|-----|
| KANDUNGAN | xii |
|------------------|-----|

| | |
|-----------------------|-----|
| SENARAI JADUAL | xii |
|-----------------------|-----|

| | |
|----------------------|----|
| SENARAI RAJAH | xv |
|----------------------|----|

| | | |
|--------------|-------------------|---|
| BAB 1 | PENGENALAN | 1 |
|--------------|-------------------|---|

| | | |
|-----|-------------|---|
| 1.1 | Pendahuluan | 1 |
|-----|-------------|---|

| | | |
|-----|-----------------------|---|
| 1.2 | Latar Belakang Kajian | 5 |
|-----|-----------------------|---|

| | | |
|-----|-------------------|----|
| 1.3 | Penyataan Masalah | 16 |
|-----|-------------------|----|

| | | |
|-----|-----------------|----|
| 1.4 | Objektif Kajian | 19 |
|-----|-----------------|----|

| | | |
|-----|---------------|----|
| 1.5 | Soalan Kajian | 19 |
|-----|---------------|----|

| | | |
|-----|------------------|----|
| 1.6 | Hipotesis Kajian | 19 |
|-----|------------------|----|

| | | |
|-----|----------------|----|
| 1.7 | Batasan Kajian | 20 |
|-----|----------------|----|





| | |
|---|-----------|
| 1.8 Kepentingan Kajian | 21 |
| 1.8.1 Guru | 21 |
| 1.8.2 Murid | 22 |
| 1.8.3 Pendidikan Malaysia | 22 |
| 1.9 Definisi Operasional | 23 |
| 1.9.1 Kefahaman Membaca | 23 |
| 1.9.2 Soalan Kefahaman | 24 |
| 1.9.3 Dimensi Pembelajaran Marzano | 25 |
| 1.10 Kesimpulan | 27 |
| BAB 2 SOROTAN LITERATUR | 28 |
| 2.1 Pendahuluan | 28 |
| 2.2 Kurikulum Bahasa Melayu Kemahiran Membaca | 29 |
| 2.3 Teori yang berkaitan | 32 |
| 2.3.1 Teori Pembelajaran | 33 |
| 2.3.1.1 Teori pembelajaran Bruner | 33 |
| 2.3.2 Konsep Membaca | 37 |
| 2.3.3 Kefahaman Membaca | 40 |
| 2.3.4 Model Kefahaman Membaca | 42 |
| 2.4 Teknik Membaca SQ3R (<i>Survey- Question-Read-Recite- Review</i>) | 45 |
| 2.5 Dimensi Marzano | 48 |
| 2.6 Konseptual Kajian | 54 |





| | |
|---|----|
| 2.7 Kajian berkaitan | 57 |
| 2.7.1 Kajian Kefahaman Membaca | 57 |
| 2.7.2 Kajian Strategi Pengajaran Kefahaman | 61 |
| 2.7.3 Kajian terhadap subjek Bahasa Melayu bagi murid Cina sebagai Penutur Bahasa Kedua dan Bahasa Ketiga | 70 |
| 2.8 Kajian Dimensi Pembelajaran Marzano | 74 |
| 2.9 Kesimpulan | 78 |
| BAB 3 METODOLOGI | 79 |
| 3.1 Pendahuluan | 79 |
| 3.2 Reka Bentuk Kajian | 80 |
| 3.3 Sampel Kajian | 81 |
| 3.4 Fasa Pengajaran | 82 |
| 3.5 Instrumen Kajian | 84 |
| 3.6 Prosedur Pengumpulan Data | 86 |
| 3.7 Penganalisisan Data | 90 |
| 3.8 Kesimpulan | 92 |
| BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN | 93 |
| 4.1 Pendahuluan | 93 |
| 4.2 Demografi Responden | 94 |
| 4.3 Analisis Ujian Pra dan Pasca | 95 |
| 4.3.1 Markah Pencapaian Murid | 97 |





| | | |
|---------|---|-----|
| 4.3.2 | Pencapaian Ujian Pra Kumpulan Kawalan dengan Kumpulan Rawatan. | 99 |
| 4.3.3 | Pencapaian Ujian Pasca Kumpulan Kawalan dengan Kumpulan Rawatan | 101 |
| 4.4 | Ujian t dua Sampel Berpasangan | 103 |
| 4.4.1 | Analisis Dapatan Kajian | 104 |
| 4.4.1.1 | Perbezaan pencapaian murid selepas penggunaan Dimensi Pembelajaran Marzano (DPM) | 104 |
| 4.4.1.2 | Penerimaan murid terhadap pengajaran menggunakan Dimensi Pembelajaran Marzano (DPM) | 110 |
| 4.5 | Penutup | 115 |

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN 117

| | | |
|-------|---|-----|
| 5.1 | Pendahuluan | 117 |
| 5.2 | Rumusan | 118 |
| 5.3 | Perbincangan Dapatan Kajian | 120 |
| 5.3.1 | Perbezaan pencapaian murid sebelum dan selepas penggunaan Dimensi Pembelajaran Marzano | 121 |
| 5.3.2 | Keberkesanan Dimensi Pembelajaran Marzano terhadap keupayaan murid menjawab soalan kefahaman | 124 |
| 5.3.3 | Penerimaan murid terhadap pengajaran menggunakan Dimensi Pembelajaran Marzano dalam menjawab soalan kefahaman | 126 |
| 5.4 | Implikasi Kajian | 130 |
| 5.4.1 | Implikasi dan Cadangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia | 131 |





| | | |
|-------|--|-----|
| 5.4.2 | Implikasi dan Cadangan kepada Guru Bahasa Melayu | 132 |
| 5.4.3 | Implikasi dan Cadangan kepada Murid | 133 |
| 5.4.4 | Sumbangan kepada Bidang Ilmu | 133 |
| 5.5 | Cadangan Kajian Lanjutan | 134 |
| 5.6 | Rumusan | 135 |

RUJUKAN**Error! Bookmark not defined.**



SENARAI JADUAL

| No. Jadual | Muka Surat |
|---|-------------------|
| 1.1 Kemahiran Membaca Kelompok Satu | 11 |
| 1.2 Kemahiran Membaca Kelompok Dua | 11 |
| 1.3 Kemahiran Membaca Kelompok Tiga | 12 |
| 1.4 Penerangan KBAT | 14 |
| 1.5 Pentaksiran Soalan KBAT UPSR | 15 |
| 2.1 Objektif Kemahiran Membaca (DSKP, 2011) | 31 |
| 2.2 Aplikasi Pengajaran Kefahaman berdasarkan Teori Pembelajaran Bruner | 35 |
| 3.1 Fasa pengajaran dan pembelajaran Dimensi Pembelajaran Marzano | 83 |
| 3.2 Pembinaan Soalan Kefahaman | 85 |
| 3.3 Pengumpulan data ujian pra | 88 |
| 3.4 Pengumpulan data ujian pasca | 89 |
| 3.5 Analisis Data | 90 |
| 4.1 Demografi Responden | 95 |





| | | |
|-----|---|-----|
| 4.2 | Penskoran markah dan aras kesukaran bagi setiap petikan | 96 |
| 4.3 | Penskoran markah dan aras kesukaran bagi satu set ujian | 96 |
| 4.4 | Gred Penskoran | 97 |
| 4.5 | Markah Ujian Pra dan Ujian Pasca Kumpulan Kawalan | 98 |
| 4.6 | Markah Ujian Pra dan Ujian Pasca Kumpulan Rawatan | 98 |
| 4.7 | Bilangan Klasifikasi Gred Ujian Pra Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan | 100 |
| 4.8 | Bilangan Klasifikasi Gred Ujian Pasca Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan | 101 |
| 4.9 | Purata Markah Ujian Pra dan Ujian Pasca Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan | 102 |



| | | |
|------|---|-----|
| 4.10 | Perbezaan markah ujian pra bagi kumpulan rawatan dan kawalan. | 105 |
| 4.11 | Ujian t | 105 |
| 4.12 | Ujian-t Dua Sampel Berpasangan Kumpulan Rawatan | 106 |
| 4.13 | Korelasi Sampel Berpasangan | 106 |
| 4.14 | Ujian Sampel Berpasangan | 106 |
| 4.15 | Ujian-t Dua Sampel Berpasangan Kumpulan Kawalan | 107 |
| 4.16 | Korelasi Sampel Berpasangan | 107 |
| 4.17 | Ujian t Sampel Berpasangan | 107 |
| 4.18 | Perbezaan markah ujian pasca bagi kumpulan rawatan dan kawalan. | 109 |





| | |
|--|-----|
| 4.19 Ujian t | 109 |
| 4.20 Soal Selidik Respon Penerimaan Murid | 110 |
| 4.21 Skala pengukuran skor min. (Sumber Landell, 1977) | 111 |
| 4.22 Analisis Deskriptif Keseluruhan Item Soal Selidik | 115 |





SENARAI RAJAH

| No. Rajah | Muka Surat |
|---|------------|
| 1.1 Dimensi Pembelajaran Marzano (1997) | 26 |
| 2.1 Proses Belajar Menurut Bruner | 34 |
| 2.2 Model Atas-Ke-Bawah dan Model Bawah-Ke-Atas (Jo Anne et al. (2000)) | 44 |
| 2.3 Teknik SQ3R | 46 |
| 2.4 Adaptasi Dimensi Pembelajaran Marzano(1997) | 49 |
| 2.5 Dimensi Memperoleh dan Mengintegrasikan Pengetahuan | 51 |
| 2.6 Konspetual Kajian | 55 |
| 3.1 Reka Bentuk Kajian Kuasi Eksperimen (Wiersma, 2000) | 81 |
| 3.2 Konseptual Kajian | 82 |
| 3.3 Prosedur pengumpulan data | 87 |





BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Peranan utama pendidikan dalam era konvergensi abad ke-21 ialah melahirkan masyarakat yang berfikiran kelas pertama. Hal ini selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam memacu pendidikan negara untuk melahirkan modal insan yang berkualiti dalam membangunkan negara. Malaysia memerlukan golongan intelek untuk meningkatkan keupayaan negara dalam membangunkan bidang pendidikan. Pelbagai usaha telah dilaksanakan dalam meletakkan Malaysia sebaris Finland, Korea, Jepun dan beberapa negara maju lain yang berada di tangga teratas pendidikan terbaik di dunia. Selaras dengan itu, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) telah menggariskan enam aspirasi iaitu kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian, identiti nasional, pengetahuan dan kemahiran berfikir yang diperlukan oleh setiap orang murid berupaya bersaing pada peringkat global. Aspirasi ini merangkumi keseluruhan keupayaan murid dalam menjadikan murid cemerlang tidak mengira bangsa dan semua lapisan masyarakat.



Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara telah termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan. Kementerian Pendidikan Malaysia dalam merencana rancangan ke arah Transformasi Nasional (TN50) terus jitu dalam pemartabatan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Oleh itu, Kementerian Pendidikan telah melancarkan Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025 dalam menyediakan kerangka kerja yang lebih sistematik untuk memartabatkan Bahasa Melayu secara berpadu dan terancang. Selari dengan tujuannya dalam melonjakkan pemerolehan dan kecekapan murid-murid dalam menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa yang unggul.

Pengajaran Bahasa Melayu sudah tentu tidak terkecuali daripada menjadi impak yang sangat besar dalam merealisasikan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Justeru, KPM telah mengambil inisiatif menyemak dan melakukan penambahbaikan dalam kurikulum. Selaras dengan perubahan tersebut, Standard Kurikulum Bahasa Melayu berpaksikan kepada Rukun Negara, Dasar Pendidikan Negara dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan telah menunjung peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa perpaduan negara dan bahasa ilmu. Bagi sekolah jenis kebangsaan, penggubalan Standard Kurikulum Bahasa Melayu mengambil kira proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia yang menggunakan pendekatan bahasa kedua kepada murid berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP, 2013).

Selaras dengan itu dalam Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025 telah menjadikan beberapa rasional dalam pembentukan hala tuju. Antaranya, pencapaian bahasa Melayu murid dalam penaksiran kurang menunjukkan penguasaan



kemahiran berbahasa yang menyeluruh. Ooi Chwee Hwa (2017) jelas menyatakan bahawa masyarakat harus berpegang kepada prinsip awal perubahan negara ini, iaitu bahasa Melayu akan menjadi bahasa nombor satu negara dan penggunaannya harus meliputi segala urusan dalam negara serta dilaksanakan secara meluas.

Sejajar dengan itu, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) tidak terlepas dalam menjadi salah satu agenda penting dalam meningkatkan pendidikan negara. Pelbagai usaha telah dilakukan dalam meningkatkan penguasaan bahasa Melayu di SJKC. Sejajar dengan itu, Elliot (1987) telah menyatakan bahawa murid Cina merupakan penutur jati bagi bahasa Cina sejak berumur 18 bulan, manakalah bahasa Melayu adalah bahasa keduanya. Penguasaan bahasa pertama dan bahasa kedua sangat berlainan. Hal ini seperti yang dikemukakan oleh Zulkifley Hamid (2005) bahawa individu penutur bahasa kedua belum tentu dapat bertutur dengan baik walaupun telah mempelajari sesuatu bahasa kedua secara formal.

Pada 16 Januari 2018, Timbalan Menteri Pendidikan II, Datuk Chong Sin Woon menyatakan bahawa seramai 15 peratus murid SJKC tidak mendapat pencapaian minimum sekurang-kurangnya gred D dalam subjek Bahasa Melayu pada Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR). Sejajar dengan itu, suatu Jawatankuasa Meningkatkan Penguasaan Bahasa Melayu di SJKC telah ditubuhkan dan diharap dapat meningkatkan pencapaian Bahasa Melayu dalam kalangan murid. Jawantankuasa ini akan merangka program dan meneliti kaedah paling sesuai untuk membantu murid SJKC menguasai serta meningkatkan prestasi Bahasa Melayu mereka. (Berita Harian, 2018).





Dapatan Kajian penggunaan Bahasa Melayu dalam kalangan murid lepasan SJK membuktikan sistem pembelajaran bahasa Melayu di sekolah tidak berjaya menghasilkan murid bukan Melayu yang benar-benar menguasai bahasa kebangsaan. Dapatan yang didedahkan oleh Pensyarah Institut Alam dan Tamadun Melayu UKM, Prof. Datuk Dr. Teo Kok Seong mendapati, kajian terhadap sampel 14,000 pelatih di 79 kem Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) di seluruh negara pada tahun 2010 menunjukkan 604 pelatih bukan Melayu langsung tidak boleh berbahasa Melayu. Kajian yang dijalankan ini mendapati pelatih terbabit hanya memahami dan fasih bahasa Mandarin sesama mereka dan menyebabkan kesukaran dalam memahami modul program tersebut (Berita Harian, 2014).

Selaras masalah ini, Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid menyatakan bahawa pihak KPM memandang serius terhadap penguasaan Bahasa Melayu di sekolah aliran Cina dan Tamil. Beliau juga menyatakan kesediaan dalam memperkasa program dan silibusnya ke arah pemantapan integrasi dalam kalangan sekolah pelbagai aliran di seluruh negara (Berita Harian, 2017).

Isu berkenaan Bahasa Melayu di SJK membuktikan Bahasa Melayu masih lemah dan kurang keberkesanan. Oleh itu, kajian ini boleh menjadi asas dalam mencari dan membantu meningkatkan prestasi Bahasa Melayu dalam mencapai tahap yang terbaik. Bahasa Melayu dalam DSKP telah meletakkan empat kemahiran utama iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Kajian ini akan menekankan kepada kemahiran membaca dan mengaplikasikan Dimensi Pembelajaran Marzano dalam meningkatkan kefahaman membaca murid dan kemampuan menjawab soalan kefahaman. Penekanan Standard





Kandungan Bahasa Melayu dan perubahan-perubahan kurikulum dalam meningkatkan prestasi Bahasa Melayu akan diterangkan dalam subtopik seterusnya.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) terus meningkatkan kualiti sistem pendidikan dan menjadikannya sentiasa bersaing dengan pendidikan bertaraf dunia.

Dalam usaha kerajaan mengemudi pendidikan ke arah sasaran yang ditetapkan, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah menjadi suatu landasan dan pandu arah hala tuju pendidikan negara dalam tempoh yang ditetapkan. PPPM bertujuan menyediakan murid-murid dalam menghadapi cabaran global pada masa akan datang. KPM telah menjalankan pelbagai usaha dalam memastikan akses kepada pendidikan berkualiti dapat direalisasikan dan difahami oleh golongan pendidik.

Golongan pendidik perlu sedar akan sistem pendidikan di Malaysia perlu menjadikan anak didik seimbang berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Hasrat ini juga telah diterjemahkan dalam inisiatif di bawah PPPM 2013-2025. Sebelum kewujudan gagasan PPPM 2013-2025, berlaku pelbagai transformasi dalam pendidikan di Malaysia semenjak pendidikan itu penting dalam masyarakat pada masa itu.

Perubahan masa menyaksikan pelbagai transformasi dalam bidang pendidikan di Malaysia. Bermula daripada tahun 1600 yang bermula dengan sistem pendidikan penjajah seterusnya berubah kepada sistem pendidikan kebangsaan. Era awal sistem pendidikan tidak mengambil kira pembangunan, pembentukan identiti kebangsaan dan perpaduan negara. Pendidikan pada zaman ini juga tidak menitikberatkan kognitif





murid. Penekanan diberikan kepada pengajian Al-Quran, tingkah laku, pengetahuan kerohanian, bidang kraf tangan, pertanian dan seni mempertahankan diri. Sejak negara mencapai kemerdekaan, sebuah Jawatankuasa Penyemak Mata Pelajaran telah dibentuk, dikenali sebagai Laporan Rahman Talib. Jawatankuasa ini bertujuan untuk mengkaji semula polisi pendidikan kebangsaan seperti yang dicadangkan dalam Laporan Razak 1956 dan Ordinan Pelajaran 1957. Laporan Rahman Talib mencadangkan Bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa pengantar untuk setiap sekolah termasuk Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Tamil (SJKT). Seterusnya, pada tahun 1983 berdasarkan perubahan sistem pendidikan pada ketika itu maka wujud Kurikulum Baru Sekolah Rendah. Kemudian, Kurikulum Baru Sekolah Rendah digantikan dengan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1993.



Kewujudan KBSR dan KBSM menunjukkan peranan pendidikan penting dalam pembangunan pendidikan negara. Rancangan KBSR menekankan penguasaan terhadap kemahiran asas 3M iaitu membaca, menulis dan mengira. Selain itu, matlamat KBSR juga memberi penekanan terhadap perkembangan individu secara menyuluruh dan holistik merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial (JERIS). Dalam merealisasikan matlamat pendidikan tersebut, tujuan dan hala tuju berdasarkan kepada beberapa aspek telah digariskan sebagai objektif KBSR. Antaranya menguasai kemahiran asas berbahasa iaitu bertutur, membaca dan menulis, menguasai asas dalam menyelesaikan masalah harian, menguasai kemahiran belajar dan menguasai kemahiran berfikir. Semua kemahiran ini memberikan murid-murid peluang dalam menguasai ilmu dan juga dijadikan landasan dalam mengukur tahap pengetahuan murid mengikut umur.





Setelah melepas sedekad pelaksanaan KBSR dan KBSM, KPM telah merintis kurikulum baharu dalam teras memacu bidang pendidikan di Malaysia. Pada tahun 2011, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah diperkenalkan. KSSR merupakan sebuah kurikulum yang baharu yang menambah baik KBSR dan KBSM. Arena pendidikan yang sangat dinamik ini sejajar dengan perubahan yang harus dilakukan. Dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Kurikulum Bahasa Melayu yang tidak terkecuali dalam transformasi ini telah menghasilkan Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran. Standard Kurikulum Bahasa Melayu bertunjangan Rukun Negara, Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menjunjung Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa perpaduan negara dan bahasa ilmu (Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Malaysia Sekolah Rendah, 2011).



Melalui perubahan kurikulum pada masa kini, Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK)

tidak terkecuali dalam menerima dan bersama-sama memacu sistem pendidikan di Malaysia. Bagi subjek Bahasa Melayu, KSSR dalam Standard Kurikulum Bahasa Malaysia disampaikan berteraskan proses pengajaran pembelajaran bahasa kedua kepada murid untuk memperoleh kemahiran bahasa yang ditentukan (Standard Kurikulum dan Pentaksiran, 2011).

Keunikan sekolah di Malaysia mengamalkan sistem pendidikan vernakular yang merujuk kepada sekolah yang menggunakan bahasa ibunda dalam pelaksanaan pengajaran di sekolah. Sistem ini tidak mengetepikan keistimewaan setiap aliran pendidikan. Begitu juga dengan murid Cina dan Tamil.





Berdasarkan matlamat Standard Kurikulum Bahasa Melayu, murid berkebolehan dalam berbahasa dan boleh berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri, memperoleh pengetahuan, ilmu, kemahiran, maklumat, nilai dan idea serta hubungan sosial dalam kehidupan seharian.

Pada masa kini, masalah penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina masih berlarutan walaupun kewujudan sekolah vernakular telah wujud sejak sekian lama. Pada tahun 2014, Menteri Pendidikan Kedua, Datuk Seri Idris Jusoh menyatakan tentang kajian Profesor Datuk Dr. Teo Kok Seong tentang ramai pelajar bukan Melayu tidak boleh berbahasa Melayu walaupun lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Perkara ini juga turut didedahkan dalam akhbar Berita Harian yang bertarikh 25 Oktober 2014 tentang lepasan Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) gagal berbahasa Melayu. Generasi muda bukan Melayu yang gagal bertutur bahasa Melayu dijangka bertambah pada masa akan datang kerana peratusan sebanyak 90 peratus murid bukan Melayu bersekolah di SJK. Hal ini juga disokong dengan pendirian Datuk Seri Mahadzir Khalid (2017), yang mahu memastikan 30 juta rakyat Malaysia membabitkan semua kaum boleh menguasai bahasa Melayu.

Hal berkenaan bahasa Melayu masih lantang dibahaskan di arena persidangan Malaysia. Isu ini sememangnya melibatkan sekolah jenis kebangsaan yang merupakan tempat pertama mereka menerima bahasa Melayu secara formal. Roasharimah dan Zamri Mahamod (2017) dalam kajian mereka menyatakan isu penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina masih belum berada pada tahap yang baik. Rentetan daripada ini, jelas menunjukkan bahawa murid Cina tidak dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik melalui kemahiran bahasa.



Perubahan ini dilihat positif dalam meneroka dan menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan menjadikan murid penutur kedua Bahasa Melayu akan mampu berkomunikasi dengan baik. Sejajar dengan perubahan ini, penambahan waktu Bahasa Melayu di sekolah adalah untuk merealisasikan hasrat Kurikulum Bahasa Melayu supaya murid SJK mampu fasih bertutur.

Bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan dalam Artikel 152 Perlembagaan menjadikan Bahasa Melayu penting bermula daripada peringkat rendah. Mahadzir Khalid (2017) menyatakan langkah pertama dalam memartabatkan negara bangsa dan perpaduan ialah dengan memastikan 30 juta rakyat Malaysia membabitkan semua kaum boleh menguasai bahasa Melayu.

Dalam memastikan kecekapan berbahasa murid sekolah jenis kebangsaan, Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP, 2011) Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan tahun lima menstrukturkan pendekatan modular dengan mengkategorikan kemahiran kepada unit yang kecil iaitu modul. Bahasa Melayu mempunyai lima modul iaitu Modul Mendengar dan Bertutur, Modul Membaca, Modul menulis, Modul Seni Bahasa dan Modul Tatabahasa. Tiga modul utama adalah berdasarkan empat kemahiran utama Bahasa Melayu iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis.

Penekanan kepada Modul Kemahiran Membaca dalam pembelajaran Bahasa Melayu memberikan tumpuan kepada kemahiran membaca dan menggabung jalin kemahiran bahasa yang lain. Modul Kemahiran Membaca merujuk kepada keupayaan murid membaca dengan sebutan, intonasi, jeda dan kelancaran yang betul. Penekanan

perlu diberikan kepada aspek pemahaman dan penaakulan bahan secara kritis dengan menggunakan teknik-teknik membaca dan berkeupayaan menghayati teks yang dibaca. (DSKP, 2011). Kemahiran membaca yang ditekankan berkenaan dengan pemahaman dan penaakulan bahan bacaan secara kritis memerlukan murid menghayati teks yang dibaca agar murid dapat menjawab soalan pemahaman yang dikemukakan di dalam kelas mahupun semasa peperiksaan.

Kefahaman membaca merupakan aspek yang penting dalam menilai kefahaman murid membaca. Durkin (1993) menyatakan pemahaman adalah intipati membaca dan proses aktif membina makna dari teks. Hal ini selaras dengan Van den Broek & Espin (2012) yang mengemukakan pemahaman membaca adalah interaksi yang rumit antara automatik dan proses kognitif strategik yang membolehkan pembaca membuat perwakilan mental berdasarkan teks yang dibaca. Berdasarkan RAND *Reading Study Group* (2002), kefahaman ialah proses yang memupuk dan membuat makna melalui interaksi dan pelibatan dengan bahasa yang bertulis. Definisi tersebut sejajar dengan pendapat Kintsch (1998) dan Van Dijk and Kintsch (1983) yang menyatakan kefahaman bacaan sebagai proses mewujudkan makna dari teks. Secara umumnya, kefahaman membaca merupakan suatu proses yang aktif dalam mendapatkan makna melalui proses kognitif terhadap teks yang dibaca.

Standard Kandungan yang terdapat dalam DSKP (2011) menunjukkan beberapa standard pembelajaran yang bertepatan dengan konsep kefahaman membaca yang perlu dicapai oleh murid. Jadual 1.0 menunjukkan standard kandungan dan standard pembelajaran kemahiran membaca berdasarkan DSKP bagi kelompok 1 (Jadual 1.1), kelompok 2 (Jadual 1.2) dan kelompok 3 (Jadual 1.3).



Jadual 1.1

Kemahiran Membaca Kelompok Satu

| Standard Kandungan | Standard Pembelajaran |
|--|---|
| 2.2 Membaca dan memahami perkataan, frasa dan ayat daripada pelbagai sumber dengan sebutan yang betul. | 2.2.3 Membaca dan memahami ayat dalam bahan bacaan prosa yang mengandungi imbuhan pinjaman daripada pelbagai sumber dengan sebutan yang betul. |
| 2.3 Membaca kuat pelbagai bahan bacaan dengan lancar, sebutan yang jelas dan intonasi yang betul. | 2.3.1 Membaca kuat pelbagai jenis ayat daripada sesuatu bahan bacaan dengan lancar, sebutan yang jelas dan intonasi yang betul dan berjeda. 2.3.2 Membaca kuat sesuatu bahan bacaan yang mengandungi ayat tunggal, dan ayat majmuk berbilang subjek dan predikat dengan lancar dan sebutan betul |

Jadual 1.2

Kemahiran Membaca Kelompok Dua

| Standard Kandungan | Standard Pembelajaran |
|--|---|
| 2.4 Membaca dan memahami maklumat yang tersurat dan tersirat daripada pelbagai bahan untuk memberi respon dengan betul | 2.4.1 Membaca dan memahami maklumat daripada bahan bukan naatif untuk membuat ulasan dengan betul. |
| | 2.4.2 Membaca dan memahami maklumat yang tersurat daripada pelbagai bahan untuk membuat sesuatu keputusan dengan betul |
| | 2.4.3 Membaca dan memahami maklumat tersurat dan tersirat daripada pelbagai bahan yang sesuai untuk membuat sesuatu keputusan dengan betul. |



Jadual 1.3

Kemahiran Membaca Kelompok Tiga

| Standard Kandungan | Standard Pembelajaran |
|---|--|
| 2.5 Membaca, memahami dan menaakul untuk memindahkan maklumat yang terdapat dalam pelbagai bahan dengan betul | 2.5.1 Membaca, memahami dan mengkategorikan maklumat daripada pelbagai bahan serta memindahkan maklumat dalam bentuk grafik. 2.5.2 Membaca, memahami dan menaakul bahan grafik untuk membandingkan beza maklumat dan memindahkan maklumat dalam bentuk prosa. |
| 2.6 Membaca pelbagai bahan sastera dan bukan sastera yang sesuai bagi memupuk minat membaca | 2.5.3 Membaca, memahami dan menaakul bahan prosa dan memindahkan maklumat dalam bentuk grafik untuk membuat keputusan. 2.6.1 Membaca pelbagai bahan bukan sastera yang sesuai untuk meningkatkan daya berfikir secara kritis. 2.6.2 Membaca dan memahami sesuatu bahan bacaan secara didik hibur untuk membuat pertimbangan. |

Berdasarkan jadual di atas, DSKP menggariskan kefahaman dalam membaca berdasarkan beberapa standard pembelajaran yang diwarnakan dalam jadual iaitu 2.5.1, 2.5.2, 2.5.3, 2.6.1 dan 2.6.2. Standard pembelajaran ini memerlukan guru untuk memastikan murid menguasai mengikut tahap dan rancangan yang telah dirangka.

Tahap kefahaman murid terhadap bahan tersebut akan dinilai berdasarkan soalan pemahaman. Soalan pemahaman pula berteraskan kepada perubahan format Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) yang baharu bermula pada 2016. Sebelum itu, soalan Bahasa Melayu Kertas 1 iaitu Pemahaman hanya mengemukakan soalan berbentuk objektif. Namun, kini semenjak 2016, format kertas pemahaman telah berubah dan mempunyai item subjektif. Soalan pemahaman yang perlu dijawab secara

subjektif dinilai dalam soalan 23, 24 dan 25. Soalan-soalan ini perlu dijawab dan beberapa soalan yang memerlukan murid berfikir secara kritis iaitu soalan berbentuk kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) juga disertakan dalam setiap soalan.

Selari dengan kurikulum kebangsaan yang bermatlamat untuk melahirkan murid yang seimbang, berdaya tahan, bersifat ingin tahu, berprinsip, bermaklumat, dan patriotik serta mempunyai kemahiran berfikir, berkomunikasi dan bekerja secara berpasukan diterapkan dalam kelas semasa sesi pembelajaran agar dapat merealisasikan kemahiran abad ke-21. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dalam menjadikan pendidikan Malaysia setanding di peringkat global bermatlamat agar murid akan mempunyai kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian, identiti sosial, pengetahuan dan kemahiran berfikir (DSKP,2011).

Era pendidikan Malaysia telah menekankan kemahiran berfikir sejak tahun 1994 dengan memperkenalkan kemahiran berfikir aras tinggi. Bermula dari kemahiran berfikir aras rendah hingga aras tinggi. Pada tahun 2011, KSSR telah memberi penekanan kepada Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). KBAT, bermatlamat agar murid dapat mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. Soalan KBAT dalam soalan pemahaman Bahasa Melayu merupakan ruang yang penting kepada guru dalam memastikan murid sentiasa berfikir untuk menjawab soalan. Jawapan murid menjadi penanda aras dalam memberikan maklum balas terhadap bahan yang dibaca oleh murid. KBAT akan ditulis secara eksplisit dalam setiap rancangan pengajaran guru. Berdasarkan DSKP, KBAT



merujuk kepada kemahiran mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta seperti jadual 1.4.

Jadual 1.4

Penerangan KBAT

| KBAT | Penerangan |
|---------------------|---|
| Mengaplikasi | Menggunakan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam situasi untuk melaksanakan sesuatu perkara. |
| Menganalisis | Mencerakinkan maklumat kepada bahagian-bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubung kait antara bahagian berkenaan. |
| Menilai | Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran dan nilai serta memberi justifikasi |
| Mencipta | Menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif |



Berdasarkan Jadual 1.4, dalam mengetahui keberkesanan pengajaran KBAT murid, pentaksiran dilaksanakan secara berterusan melalui latihan, ujian, ujian lisan, soal jawab, kuiz, lembaran kerja, tugas projek murid dan pemerhatian. Pencapaian murid dapat membantu guru dalam merancang dan melaksanakan tindakan susulan bagi meningkatkan keberkesanan PdP dan seterusnya tahap penguasaan KBAT dalam kalangan murid. Dalam memacu sistem pendidikan bertaraf global, penyerapan soalan KBAT dalam peperiksaan UPSR dijalankan secara berperingkat seperti jadual 1.5.



Jadual 1.5

Pentaksiran Soalan KBAT UPSR

| | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 | 2019 |
|--|------|------|------|------|------|------|------|
| Soalan KBAT dilaksanakan dalam peperiksaan UPSR | 10% | 20% | 30% | 40% | 40% | 40% | 40% |

(Sumber: elemen KBAT dalam Pentaksiran 2014)

Jadual tersebut menunjukkan komitmen Kementerian Pendidikan dalam melahirkan murid yang sentiasa berfikir secara kritis dalam dunia pendidikan. 40% soalan KBAT dalam peperiksaan menunjukkan nilai yang tinggi dan mampu mempengaruhi markah murid.

Dalam meningkatkan penguasaan murid Cina selaku penutur bahasa kedua bahasa Melayu dalam penguasaan menjawab soalan kefahaman membaca, strategi pengajaran dan pembelajaran perlu dalam membantu murid mencapai matlamat. Hal ini disokong dalam kajian Ooi Chwee Hwa (2017) yang menyatakan bahawa guru-guru perlu menyampaikan isi pelajaran dengan menarik agar murid lebih tertarik untuk mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dengan lebih bermakna. Kajian Tay Meng Guat (2016) juga menyatakan dalam dapatannya bahawa sebahagian besar cadangan murid kelas Peralihan tertumpu kepada pendekatan dan kaedah pengajaran guru. Yahya (2004) juga memberikan pandangan yang sama bahawa guru perlu mempelbagaikan teknik pengajaran membaca agar dapat menjadikan pengajaran lebih bervariasi, menarik serta dapat menimbulkan minat murid untuk belajar dengan lebih bersungguh-sungguh.

1.3 Penyataan Masalah

Keupayaan menjawab soalan kefahaman dalam kalangan murid Cina menjadi masalah.

Masalah yang dilihat ialah penguasaan kepada masalah kefahaman murid dalam bacaan. Dalam kajian Tay Meng Guat dan Wong Shia Ho (2016) menyatakan bahawa sebab utama yang menjadi penghalang terhadap minat responden ialah faktor kesukaran memahami isi pelajaran subjek bahasa Melayu. Kajian ini sejajar dengan kajian Ooi Chwee Hwa (2017) yang menunjukkan bahawa seramai 67 orang murid di sebuah SJKC tidak meminati bahasa Melayu. Hal ini kerana minat dilihat salah satu faktor timbulnya pengaruh bahasa Cina dalam mempelajari bahasa Melayu. Kajian ini juga menyatakan bahawa responden tidak meminati bahasa Melayu kerana terdapat perkataan banyak makna yang menyebabkan mereka sukar untuk memahami makna perkataan tersebut melalui pembacaan. Oleh itu, murid-murid yang tidak memahami bahasa Melayu kurang tumpuan kerana tidak memahami perkara yang disampaikan.

Hal ini jelas selari dengan masalah kemahiran membaca murid dan kefahaman murid terhadap teks yang diberikan. Menurut Abdul Rasid dan Zulkafli (2008), masalah menguasai kemahiran membaca dan menulis menjadikan murid lemah dan tidak berminat dalam mata pelajaran Bahasa Melayu adalah akibat ketidakcekapan murid menguasainya. Dalam kajian ini juga, permasalahan membaca yang dikenal pasti ialah keliru mengecam huruf besar dan huruf kecil semasa membaca, tidak membunyikan perkataan dengan betul dan tepat, tidak dapat menyebut perkataan yang dieja serta sering meninggalkan perkataan yang tidak diketahui makna atau gagal membunyikannya. Hal ini pastinya menjadikan murid membaca dalam pola bacaan



yang merangkak-rangkak dan menyebabkan murid tidak memahami maklumat dan makna bahan bacaan tersebut.

Abdul Rasid Jamian (2011) juga menyatakan apabila seseorang tidak menguasai kemahiran membaca akan menyebabkan mereka tidak menguasai kemahiran asas iaitu kemahiran lisan. Selaras dengan format terbaharu UPSR sejak 2016 bagi kertas Pemahaman kod 011 menunjukkan perubahan yang besar dalam cara menjawab soalan kepada murid. Sebelum tahun 2016 yang menggunakan format lama. Murid hanya perlu menjawab soalan secara objektif. Namun, format terkini, kertas pemahaman dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A untuk soalan objektif sebanyak 20 soalan manakala bahagian B soalan yang perlu dijawab dalam bentuk subjektif. Bagi soalan pemahaman iaitu membaca teks atau bahan rangsangan, murid perlu menjawab soalan kefahaman yang diberikan.



Berdasarkan pemerhatian dan analisis soalan UPSR yang telah dijalankan sebelum ini memperlihatkan kebolehan murid menjawab soalan kefahaman berdasarkan kupasan mutu jawapan UPSR yang diberikan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (2017).

Pelbagai kajian terdahulu telah mencadangkan bahawa dalam meningkatkan penguasaan kemahiran berbahasa Melayu dalam kalangan murid Cina. Antaranya dalam kajian Tay Meng Guat (2015), yang menunjukkan kursus yang menjadi pilihan utama guru ialah kursus tentang strategi pengajaran pembelajaran bacaan dan penulisan. Dalam kajian Roasharimah dan Zamri Mahamod (2013), juga menyatakan dalam implikasi kajiannya iaitu guru perlu mencari dan menggunakan pendekatan,





kaedah atau teknik yang membantu untuk menanam sikap persepsi positif dalam murid tentang bahasa Melayu.

Berdasarkan transformasi yang berlaku dalam sistem Pendidikan Malaysia. Pentaksiran Berasaskan Bilik Darjah (PBD) menjadi tunjang dalam menguji tahap pencapaian murid di dalam kelas. DSKP (2017) bermatlamat dalam menjadikan murid berketerampilan dalam berbahasa dan berkomunikasi. Aspek kefahaman membaca digagaskan dalam Standard Pembelajaran (S.P) Bahasa Melayu Sekolah Rendah. SP 2.1.1 membaca dan memahami maklumat tersurat dan tersirat untuk memberikan respons. SP 3.2.2 menghasilkan jawapan dengan memberikan alasan secara kritis dan kreatif dan SP 3.2.3 mencatat maklumat berdasarkan bahan yang dibaca, dilihat, dan didengar. Murid perlu menguasai Standard Pembelajaran ini dalam memenuhi tahap pencapaian murid.



Berteraskan pembelajaran yang berdasarkan pentaksiran, kajian tentang kefahaman membaca amat penting dalam mendepani cabaran terhadap murid Cina. Terdapat pelbagai kajian yang dijalankan berkenaan murid Cina berkaitan bahasa Melayu, namun daripada segi menjawab soalan kefahaman masih kurang dilaksanakan dalam Pendidikan Bahasa Melayu di Malaysia. Berdasarkan daripada isu tersebut, perlunya ada kajian yang dijalankan berkaitan dengannya.





1.4 Objektif Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan ialah untuk mengenal pasti kesan Dimensi Pembelajaran Marzano terhadap kefahaman membaca bagi murid Cina tahun lima. Secara khusus, kajian ini dijalankan adalah untuk:

- 1.4.1 Mengenal pasti keberkesanan strategi Dimensi Pembelajaran Marzano (DPM) terhadap keupayaan murid menjawab soalan soalan kefahaman membaca.
- 1.4.2 Menganalisis persepsi murid dan guru terhadap pengajaran menggunakan Dimensi Pembelajaran Marzano (DPM).

1.5 Soalan Kajian



- 1.5.1 Adakah terdapat perbezaan pencapaian murid selepas penggunaan Dimensi Pembelajaran Marzano (DPM) terhadap keupayaan murid Cina tahun lima menjawab soalan kefahaman membaca?
- 1.5.2 Bagaimanakah penerimaan murid Cina tahun lima terhadap pengajaran menggunakan Dimensi Pembelajaran Marzano (DPM)?

1.6 Hipotesis Kajian

- Ho1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan.
- Ho2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan.



Ho3 Tidak terdapat perbezaan signifikan antara ujian pasca bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini melibatkan 60 orang murid lelaki di sebuah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina di Daerah Kinta Utara, Perak iaitu kawasan bandar. Responden kajian merupakan murid tahun lima sekolah tersebut. Aras dan tahap pencapaian akademik murid dipilih dalam kalangan murid yang sama tahapnya dalam subjek Bahasa Melayu.

Melalui sudut strategi yang digunakan, kajian ini juga dibataskan terhadap keberkesanan kesan strategi Dimensi Pembelajaran Marzano (DPM) dalam menjawab soalan pemahaman bagi murid Cina tahun lima. Pelaksanaan strategi DPM akan dihuraikan satu persatu selaras dengan rancangan pengajaran harian di dalam kelas.

Jenis soalan pemahaman pula berteraskan kepada soalan berformat UPSR. Bahan yang akan digunakan untuk pengajaran dan pengujian ialah soalan pemahaman berformat UPSR. Bentuk soalan berdasarkan beberapa jenis petikan iaitu teks, sajak, pantun, syair, jadual, iklan, poster, peta dan peta minda. Soalan pemahaman diambil daripada soalan UPSR yang lepas dan soalan percubaan negeri kerana nilai kebolehpercayaan teks harus dikekalkan untuk mendapat sampel kajian yang tulen.



1.8 Kepentingan Kajian

Kajian tentang kesan Dimensi Pembelajaran Marzano dalam menjawab soalan pemahaman belum dilakukan di Malaysia. Berdasarkan kajian lepas yang dilihat, aplikasi Dimensi Pembelajaran Marzano dilihat seperti masih baru di Malaysia sedangkan jika dilihat berdasarkan aspek dimensi yang dikemukakan sangat signifikan dan membantu murid dalam menjawab soalan pemahaman. Hasil kajian ini dapat memberi manfaat kepada pihak-pihak yang memerlukan. Antara kepentingan kajian terhadap golongan sasaran penyelidik adalah:

1.8.1 Guru



Kepentingan yang pertama dilihat berdasarkan pengajaran guru mengaplikasikan DPM. Guru akan mengaplikasikan DPM dalam pengajaran dan pembelajaran pemahaman berbentuk KBAT. Justeru, pengaplikasian DPM di dalam kelas boleh menjadi wadah dalam mengaktifkan interaksi guru dan murid disamping memberi ruang kepada murid untuk berfikir aras tinggi (KBAT) dalam mengemukakan pendapat berdasarkan soalan. Selain itu, guru dapat memperbaiki gaya pembelajaran murid dan mengenal pasti faktor-faktor murid tidak dapat menjawab soalan kefahaman.



1.8.2 Murid

Seterusnya, implikasi pelaksanaan strategi DPM terhadap murid penting kerana murid dapat menjawab soalan pemahaman yang baik dan membantu murid memahami soalan pemahaman dengan betul. Justeru, murid merupakan fokus utama dalam menerima *input* yang diberikan oleh guru berteraskan DPM. Mekanisme baharu ini diharapkan dapat memberikan pendedahan dan meningkatkan pengetahuan murid dalam menjawab soalan kefahaman. Murid juga dapat memperbaiki kelemahan diri dalam menjawab soalan kefahaman ke arah yang lebih baik.

1.8.3 Pendidikan Malaysia

Dalam mencapai matlamat Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025 serta Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025), dapatan kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan dalam melihat keberkesanan strategi DPM terhadap kemahiran murid menjawab soalan kefahaman. Seiring dengan sistem pendidikan di Malaysia yang berkembang maju, corak pengajaran yang inovatif perlu dikuasai oleh guru agar dapat mencapai aspirasi pendidikan negara yang mahu setanding dengan negara terkemuka dunia dalam arena pendidikan di peringkat antarabangsa.

Justeru, hasil daripada kajian ini akan berupaya membantu pelbagai pihak dalam membantu murid untuk menjawab soalan kefahaman dengan betul dan bersesuaian dengan kehendak soalan. Pada masa yang sama mampu meningkatkan prestasi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.



1.9 Definisi Operasional

Dalam kajian ini, terdapat beberapa istilah yang perlu diperincikan untuk menjelaskan secara autentik tentang kehendak dan keperluan pengkaji dalam kajian yang dijalankan ini. Antaranya, kemahiran membaca, soalan kefahaman, soalan KBAT dalam kefahaman dan Strategi Dimensi Pembelajaran Marzano.

1.9.1 Kefahaman Membaca

Kefahaman membaca dalam kajian ini merupakan komponen yang penting dalam menilai penguasaan murid terhadap soalan kefahaman. Azlinda Rahman (2018)

menyatakan kefahaman membaca didefinisikan sebagai satu kebolehan dan kemampuan memahami sepenuhnya perkara yang dibaca. Hal ini juga dijelaskan bahawa pemahaman membaca merupakan satu proses yang menyerap maklumat yang

terkandung dalam bahan bacaan untuk disimpan di dalam minda dan digunakan semula apabila perlu. Pardo (2004) menyatakan kefahaman membaca ialah proses pembaca membina makna dengan berinteraksi melalui teks berdasarkan gabungan pengetahuan sebelumnya dan pengalaman sebelumnya, maklumat dan sikap pembaca terhadap teks.

Yovanoff *et al.* (2005) menyatakan pemahaman bergantung bukan hanya pada ciri-ciri pembaca, seperti pengetahuan terdahulu dan memori kerja, tetapi juga pada proses bahasa, seperti kemahiran membaca asas, penyahkodan, kosa kata, kepekaan terhadap struktur teks, inferens, dan motivasi. Pemahaman juga memerlukan penggunaan strategi yang berkesan, seperti pemantauan metakognisi dan pemahaman. Oleh kerana pembaca matang dalam kemahiran pemahaman mereka, mereka dapat maju dengan





cekap daripada tahap pembelajaran untuk membaca ke matlamat utama membaca untuk belajar.

Secara umumnya, kefahaman membaca merupakan suatu proses dalam mendapatkan makna berdasarkan teks yang dibaca yang melibatkan pengetahuan sedia ada, pengalaman sebelum ini dan melibatkan metakognisi pembaca. Dalam konteks kefahaman murid Cina tahun lima, yang merupakan penutur bahasa kedua. Dalam memahami teks pemahaman bahasa Melayu, murid Cina memerlukan kefahaman makna setiap perkataan dalam petikan untuk melalui proses menguasai kefahaman membaca dan menjawab soalan kefahaman dengan lebih bermakna.

1.9.2 Soalan Kefahaman



Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggariskan beberapa contoh dalam pentaksiran bahasa Melayu yang berdasarkan Taksonomi Bloom. Aras kesukaran tersebut selaras dengan soalan kefahaman berdasarkan Jadual Spesifikasi Item (JSI) yang perlu dirancang sebelum soalan dibina. Aras tersebut merangkumi aras pengetahuan, kefahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan mencipta. Aras ini perlu difahami dan diaplikasi oleh guru dalam membina soalan kefahaman membaca.

Soalan kefahaman dalam DSKP bahasa Melayu merujuk kepada beberapa objektif yang ingin dicapai iaitu:



- i. membaca dan memahami maklumat daripada bahan bukan naratif untuk membuat ulasan yang dengan betul;
- ii. membaca dan memahami maklumat yang tersurat dan tersirat dengan tepat daripada pelbagai bahan untuk membuat sesuatu keputusan dengan betul;
- iii. membaca, memahami, mengkategorikan maklumat dalam bahan grafik dan bahan prosa untuk membanding beza maklumat dan memindahkan maklumat; dan
- iv. membaca pelbagai bahan bacaan sastera untuk meningkatkan daya berfikir secara kritis dan untuk membuat pertimbangan.


Secara umumnya, soalan kefahaman yang diberikan kepada murid akan menepati objektif di atas dalam memastikan murid berkeupayaan menguasai kemahiran membaca mereka. Dalam kajian ini, soalan kefahaman akan selari dengan bahan pengajaran yang diberikan dalam buku teks dan mengikut tema yang dipelajari oleh murid.

1.9.3 Dimensi Pembelajaran Marzano

Dimensi pembelajaran Marzano merupakan sebuah model pembelajaran yang komprehensif dalam proses pembelajaran (Marzano, 1997). Yee *et al.* (2011) menyatakan Dimensi Pembelajaran Marzano menterjemahkan kajian dan teori yang dijelaskan dalam Dimensi Pemikiran telah menjadi model yang praktikal dan digunakan oleh guru untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

Marzano (1997), telah menyenaraikan lima asas dimensi pembelajaran untuk diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran. Lima dimensi tersebut ialah:

- i. Sikap dan persepsi
- ii. Memperoleh dan menyepadukan pengetahuan
- iii. Memperluaskan dan menyempurnakan pengetahuan
- iv. Menggunakan pengetahuan yang bermakna
- v. Tabiat pemikiran



Rajah 1.1. Dimensi Pembelajaran Marzano (1997)

Berdasarkan kajian ini, dimensi yang kedua iaitu memperoleh dan menyepadukan pengetahuan yang merangkumi kemahiran membanding, mengklasifikasi, induktif dan deduktif dalam penjanaan idea bagi mata pelajaran bahasa Melayu iaitu soalan kefahaman.

Berdasarkan dimensi yang kedua iaitu memperolehi dan menyepadukan pengetahuan, murid akan memperoleh dan menyepadukan pengetahuan yang baharu

dalam pembelajaran. Murid akan dibimbing dalam mengaitkan hubungan antara pengetahuan baharu dengan pengetahuan sedia ada. Murid akan mengorganisasikan maklumat dan menjadikannya sebagai maklumat jangka masa panjang.

Dimensi ini akan diaplikasikan dalam membantu murid menjawab soalan kefahaman dengan lebih praktikal dan bermakna.

1.10 Kesimpulan

Bab ini telah membincangkan tujuan kajian ini dijalankan berdasarkan situasi semasa yang terjadi dalam arena pendidikan di Malaysia pada masa kini. Bab ini juga membincangkan persoalan dan hipotesis kajian yang akan dijawab di akhir kajian ini.

Penerangan secara terperinci tentang pemboleh ubah yang digunakan dijelaskan dalam definisi operasional dalam bab ini. Secara keseluruhannya, kajian ini menekankan kepada keberkesanan strategi Dimensi Pembelajaran Marzano (DPM) terhadap kefahaman membaca murid tahun lima di sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Kajian ini diharapkan dapat memberikan impak yang signifikan kepada bidang pendidikan dalam mencapai dan merealisasikan gelombang PPPM 2013-2025.